

Contoh Resume Terbaik

Selamat Datang ke Siri Panduan Lengkap Resume

Resume yang bagus adalah resume yang mampu lakukan satu perkara yang paling penting, iaitu dengan resume yang kita hantar ia mampu buat majikan/company berminat untuk panggil kita datang interview.

Kalau tidak resume kita akan masuk dalam kotak.



Ingat ya, bukan kita sahaja yang apply kerja kosong itu nanti. Contoh dibawah adalah gambar yang saya snap tahun 2017 lagi.



Ada 408 pemohon untuk jadi Assistant Engineer, dan test technician ada 220 orang yang hantar resume juga seperti anda.

Dan kalau saya KLIK perkataan 408 other applicants atas tu. Kita akan dapat summary yang lebih detail seperti di bawah.



Sengaja saya screenshot begini sebab nak bagi tahu, PUNYALAH RAMAI YANG APPLY KERJA KOSONG, DAN PUNYA LAH SUSAH NYA RESUME ANDA BERSAING SEMATA MATA UNTUK DAPATKAN PERHATIAN MAJIKAN.

So itu sebab, kita kena buat resume elok elok.

Lagi sekali saya ulang, resume yang bagus, adalah resume yang mampu panggil kita untuk interview. Kalau tidak, TARAGUNA.

Anda mungkin perasan akan beberapa artikel dalam blog SayaShare saya ni. Ada beberapa artikel lain yang berkongsi tips cara buat resume. *Apa beza nya tips resume di artikel tu berbanding dengan artikel yang sekarang ni?* Bezanya ialah, tips resume ini adalah yang paling utama untuk topik resume. Ingat, topik cara buat resume adalah 1 daripada 6 bahagian yang saya kongsi di [Panduan Lengkap Temuduga](#). Jadi kalau anda terlepas baca mana mana artikel lain, anggap sahaja Halal. Sebab saya juga akan cover di sini.

Dan dalam artikel ni, saya akan pergi pada level yang tersangat detail untuk bantu anda. Jadi, saya harap sangat sangat untuk anda beri fokus.

Luangkan masa dalam 15 minit untuk baca dan faham kan apa yang saya cuba nak sampaikan. Saya buat artikel luang masa berjam jam ni untuk anda juga, bukan untuk saya ya, saya sudah dapat kerja pun.

Saya dah dapat kerja dah saya dah berhenti kerja pun sekarang. Saya mula karang artikel ni dalam tahun 2017. Sekarang saya update tahun 2022, dan 2019 saya dah berhenti kerja dan mula bekerja sendiri.

Jum kita semak fact check dulu.

Fact Check 1

Anda tengok sendiri salah satu case study yang company luar negara buat...[TheLadderEyeTrackingStudy](#)



Apa yang berlaku ialah mereka cuba buat research bagaimana Majikan tengok resume.

Dan seperti anda lihat, Resume 2 jauh lebih baik separation penglihatan majikan berbanding dengan Resume 1 yang nampak lebih tertumpu pada satu bahagian sahaja.

Kalau kita tengok design Resume 1 satu pun memang straightly kita boleh faham, kenapa jadi macam ni kan? Sebab artikelnya tidak di olah secara point by point.

Karangan berjela macamni memang meletihkan mata siapa saja yang tengok.

Fact Check 2

Ikutkan study dari TheLadder juga, kita hanya ada 6 saat sahaja untuk impresssed kan hati si Majikan yang review resume ni. Kalau tak berjaya...habis lah...

Oh ya..kalau tak majikan pun, mungkin HR yang akan tapis dahulu...

Berikut pula adalah diagram yang saya lukis, proses anda dapatkan kerja yang saya percaya, semua orang akan lalui nya..



Buat resume cantik cantik, elok elok bukan untuk terus dapat masuk kerja ya. Hanya untuk dapatkan panggilan interview sahaja. Itu sebab, saya kenalkan [6 peringkat yang anda perlu faham](#) untuk dapatkan kerja.

Dan Peringkat yang pertama ialah, buat resume. [Rujuk peringkat 1](#)

Isi Kandungan dalam Resume

Untuk isi kandungan dalam resume, saya bahagikan kepada 2 structure mudah.

Iaitu yang khas untuk Fresh Graduate, dan juga yang sudah Berpengalaman. Susun atur dua golongan ni berbeza, sebab fokus yang anda nak tunjukkan dalam resume pun sudah lain.

Seperti contoh, orang yang dah bekerja, atau yang sudah ada pengalaman, mestilah nak showcasekan pengalaman kerja kita. So

saya structurekan isi kandungan resume ni khas untuk golongan yang sudah berpengalaman ni.

Manakala untuk adik adik yang baru habis belajar, pengalaman kerja tak ada. So saya buat structure resume yang showcase kan PENGALAMAN PRACTICAL korang dan FINAL YEAR PROJECT, dan juga CGPA kalau dapat cantik.

Lagi sekali saya ulang ya.

untuk fresh graduate, resume focus pada

1. pengalaman praktikal
2. final year project korang
3. dan cgpa yang korang dapat.

Untuk yang sudah ada pengalaman ni, saya pernah interview majikan tu tak tanya pun saya dapat pointer berapa, study mana semua. Lebih kepada nak tahu pengalaman kita kerja sahaja.

So untuk yang sudah ada pengalaman, cuba fokuskan resume anda tu kepada pengalaman kerja.

Points Resume...

Boleh tulis semula di word untuk point point buat resume korang nanti...



Untuk Impresssssskan Majikan, saya cadangkan..

Anda beri focus 3 bahagian ni. Header, Center, Footer..

Header – yang biasa kita akan tulis nama, no tel, alamat semua..

Center – Isi kandungan resume kita.

Footer – Untuk pastikan mereka baca dan kenal kita sampai habis. Sebab bahagian references pun sangat penting juga.

in total, design pun kena cantik cantik juga...

Antara contoh design resume yang cantik....



Saya ada 3 set untuk anda tengok [set 1](#), [set 2](#) dan [set 3](#)

Sebelum saya bagi penerangan dengan detail bagaimana anda boleh buat setiap point anda standout. Elok juga kalau anda hadam dulu format format resume. Tak penting pun follow nya sebijik sebijik. Tapi sekadar nak faham tu boleh la...

Ini dia... [Contoh Resume Format Malaysia!!!](#)

Header – Bagaimana nak buat header yang memikat.

Header walaupun butirannya boleh kata lebih kurang sama dengan resume lain. Tapi masih lagi dibezakan dengan cara anda mem-present-kan nya.. (pelek juga ayat saya ni, harap faham lah)

Ye la, kalau tak tunjukkan gambar, alamat, email, no tel, apa lagi nak di bagi tahu kan?

Tapi kita boleh buat header resume kita nampak best dengan mentampilkkan design design dan structure presentation yang menarik. Terumatanya jenis resume yang 'modern design'.

Seperti contoh dua header di bawah



Sudah pasti yang disebelah kanan nampak lebih appealing kan?

Nama : pastikan buat tulisan untuk nama anda lebih besar sikit dari tulisan lain. Bold..

Alamat : tak perlu alamat detail sampai no rumah semua. Cukup sekadar taman/daerah/negeri. Boleh juga jimat space.

Email : jangan guna email cuteboy@gmail.com ya. Merepek. Guna nama penuh dan formal.

No tel : kalau boleh, letak no tel dua. Mana tahu takut takut anda tak angkat.

Objective Summary

Saya percaya, ramai yang akan rasa blur juga kalau nak siapkan ayat untuk objective. Actually saya pun macam ni juga.

Untuk saya, saya suka kalau gunakan teknik + format yang disediakan oleh [resumegenius](#).

✘ Ini dia...

Atau pun,

✘

Secara mudahnya, kita akan bahagikan isi kandungan yang memang saiz ciput untuk objective ni kepada 3 bahagian..

1st: Self introduction via mentioning your strongest (provable) traits

2nd: Telling the hiring manager which role you want to fill

3rd: Emphasizing that you are reliable, and have company goals in mind

Maka, terhasil lah apa yang saya buat di bawah ni... Lama juga nak fikir...

Feel inspired to improve production with no excuse for qualities but still with better output. I'm seeking to continue my best fourth consecutive years as Process Technician. I may not learn fast, but I trully believe that I can perform and be at level of your expectations.

Or

More than 4 years experienced in semicon industry. Starts with bare wafer production as Process Technician in Final Cleanroom, Wafer Fab in Lithography Process as Shift Assistant Engineer, and in Assembly Line as Die Attach Process Technician.

Benda ni, perlukan masa sikit nak fikir. Itu sebab, dalam rangka saya untuk siapkan resume korang semua ni.

Saya bahagikan kepada beberapa bahagian..

1. Kita belajar buat resume secara video
2. Lepas tu, kita cantik cantikkan resume juga secara video. "Saya tunjuk guna premium resume design"
3. Baru lah kita akan sibuk kan diri untuk apply kerja, masa ni anda tak perlu susah susah rujuk artikel saya yang panjang ni, [10 Cara Cari Kerja Kosong](#), sebab saya akan bagi satu checklist yang saya hias comel comel untuk anda follow.**tapi saya harap sangat juga untuk anda baca artikel 10 cara kerja tu, sebab saya ada bagi tips tips manis sikit di sana.

Seterusnya, kita belajar cara nak tulis point point dalam bahagian skills dan strength pula..

Center – Skills + Strength..

Sebenarnya, bila kita buat resume ni..

Bukannya perlu olah ayat sendiri sangat. Tapi lebih kepada anda tengok pada point point jawatan kosong yang ada. Seperti contoh di Jobstreet atau MauKerja. Jadikan point point tu sebagai point point anda. tapi kena olah olah sikit lah. Jangan bulat bulat copy..

Tak pa, nanti di bawah saya akan bagi contoh yang bagus dan contoh yang tak bagus..

Tapi sebelum tu, saya nak anda faham dan pastikan guna ciri ciri cara tulis skills yang saya cadangkan di bawah.

1. Keep it short – jangan terlalu panjang.
2. Buatlah ia bullet point, jangan tulis karangan
3. Masukkan sekali success rate – ini penting kalau anda memang mampu buat, nanti saya akan ulang lagi sekali bila saya guna point 'success rate' ni.
4. Terbaik kalau anda masukkan data atau nombor, seperti contoh, "dengan saya buat 'itu', saya berjaya tingkat output production sebagai 30%". Contoh lah ya...
5. Hanya masukkan point yang relevant sahaja, pengalaman atau skills yang tak kena mengena simpan buat pekasam. Atau pun pendek kata, kita akan lebih kepada nak buat format resume jenis 'functional resume'. Ada faham? Ada baca tak saya note kan format resume tadi?

INGAT!!! Point yang relevant dengan apa yang kriteria yang majikan nak sangat sangat CRUCIAL...

Dan contohnya pula..

Contoh Yang Tak Good..

Know how to use AutoCad

Experienced how to handle XXXX machine

Dan contoh yang Good nya..

Know how to use AutoCad, refer attachment to view some of example of my design.

Experienced how to handle XXXX machine for 3 years.

OK.....Jelas tak?

Saya bagi lagi 1 contoh..kali dalam bahasa melayu lah.. pening aku nak translate

Boleh menaip dengan cepat (untuk jawatan kosong kerani)

Jangan tulis macam tu, masukkan resultnya sekali.. Sebaliknya anda tulis..

Boleh menulis dalam 65 WPM (word per minits)

**Kira nya saya bagi tahu terus berapa speed typing keyword saya. Oh ya, yang nilai 65WPM tu adalah nilai sebenar. Saya saja 1st time main main testing speed di <http://typing-speed-test.aoeu.eu/>



Korang try la juga..mana tau boleh buat resume dengan laju...

Ok. Kita moving on....

Center – Cara Nak Tulis Bahagian Pengalaman Pula

Untuk company yang pernah anda kerja, tak perlu tulis semua tau. Tulis mana yang paling best, paling anda bekerja dengan cemerlang gemilang sahaja.

Contoh macam saya.

1st graduate saya kerja 5 bulan di kilang buat machine. Saya guna buang tau kat sini. Haha. Tapi ada saya tulis dalam resume? Idok ler

2nd kerja. Jadi operator...ada saya tulis? Idok juga.

3rd kerja, jadi technician.. hah ni baru tulis. Ibarat ini la permulaan kareer saya.

Ada lagi satu kerja, bahagian marketing. Ada saya tulis? Tak juga, sebab marketing kan tak relevant dengan jadi Technician. So saya tak tulis mana yang tak berkenaan atau mana yang saya kerja tak cemerlang. Lagi sekali, kita menggunakan antara 'functional format resume' factor.

Bila saya tulis bahagian pengalaman ni. saya suka bahagikan

kepada beberapa bahagian.

1. Tulis nama jawatan
2. Nama kilang
3. Description tentang kilang, kiranya saya bagi tahu kilang ni buat apa, produk apa untuk menunjukkan relevannya dengan jawatan yang dipohon. Berapa jumlah pekerja juga saya tulis untuk menunjukkan syarikat ni besar.
4. Dan baru la point point untuk task saya...

Seperti contoh...

Process Technician at ABC Company

ABC Company was one of top company in Ipoh. With over 5000 employees from 2 sites plant. It's assembly production producing microchip.

Some of my task included:

- Point 1
- Point 2
- Point 3

OK dah.. Jelas?

Tak ada contoh kedua dah ni...

Untuk apa dia point point tu, macam saya cakap tadi. Anda tengok pada ayat yang ditulis dalam iklan jawatan kosong, cuba copy copy sikit jadi kan ayat task anda. mana yang relevant lah. Jangan menipu. Dosa tu. saya tak elaborate lebih, sebab dalam video yang saya tunjuk kat atas tu saya sudah bagi contoh LIVE.. harap sangat untuk anda subscribe email untuk dapatkan video ni, supaya saya dapat bantu anda dengan lebih baik lagi..

Untuk adik adik yang tiada pengalaman, juga boleh jadikan point point masa buat bahagian 'Pengalaman Praktikal'

berasaskan cara saya tulis di bahagian point pengalaman ni ya..

Center – Point Education Pula...

Untuk bahagian EDUCATION, saya rasa mudah sahaja kot. Tak ada apa yang dijelaskan sangat pun.

Footer – References

Ini tak kurang juga penting nya tau..

Kalau saya, saya suka tulis macam di bawah ni..



Saya conteng conteng sikit ya. Nanti kalau tak buat, lain pula yang jadi.

So apa yang saya letak ialah:

- nama
- no tel yang paling penting
- relation – ini pun penting, kiranya saya bagi brief sikit pengenalan siapa lah depa ni..

Perhatikan juga, bahagian references ni. Saiz tulisan saya kecil sikit berbanding yang biasa tau. Kenapa? Sebab bukan semua tulisan di resume anda perlu buat besar. Kecil pun x pe. Boleh jimat space.

Contoh macam email atau alamat pun boleh dikecilkan juga..resume kita pun akan nampak lebih kemas.

Few Notes Before We End

Kalau nak ikutkan tahap detail nya artikel ni kita boleh pergi lebih jauh lagi. Tapi cukup lah setakat ni saya rasa. insyaAllah, dalam masa akan datang, saya akan cuba upgrade lagi artikel seperti saya buat di artikel artikel saya yang lain. Supaya penerangan dan perkongsian saya lebih mudah untuk

difahami.

Tapi saya sebelum saya tamat kan artikel ni, saya nak kongsi lagi 2 perkara penting..

Penggunaan Tulisan yang mudah di baca.

Ikutkan pada sesetengah pendapat, bila nak pilih tulisan, pastikan guna sans serif. Sebab sans serif lebih mudah dibaca kalau di print.



Apa itu serif dan sans serif?

Serif yang melengkok di tepi hujung huruf tu. Antara yang popular untuk serif ialah Times New Roman, manakala sans serif ialah Arial.

Dan bila saya mula menulis artikel ni menggunakan microsoft word default font memang sans serif. Tapi kalau kita tengok website website besar, contoh macam Lazada, Amazon, Ebay dan macam macam lagi, mereka lebih banyak menggunakan Sans Serif. Sedangkan times new roman lebih nampak elok kalau baca di screen laptop.

So agak pelek di situ..

Apa apa pun, anda perlu lah hati hati dengan pemilihan tulisan. Jangan terlampau kecil, atau jarak antara perkataan tu terlampau jauh. Pastikan mudah untuk baca lah..

Yang terakhir ialah penggunaan modern design. Seperti di bawah:



Di Malaysia, saya rasa masih ramai lagi yang tak gunakan peluang ni. saya rasa lah, dalam kebanyakan resume yang saya jumpa. Baik kawan kawan share, atau pun yang saya curi curi

tengok masa open interview.

So, sangat sangat la baik peluang ni kalau anda guna.

Oh ya, dalam video tutorial yang saya tunjuk, memang kita akan guna design design modern ni untuk buatkan resume kita lebih stand out.

Terima Kasih...

Alrite, saya rasa itu sahaja kot.

Terima kasih sebab luang kan masa.. sekarang ni, saya nak anda buat sesuatu pula untuk saya. Tinggalkan komen dan bagi tahu, apa yang anda rasa tak lengkap lagi artikel ni..